

# Tiada halangan untuk Kah Kiat berundur

— Abdullah

um - 14/4/2007

PETALING JAYA 13 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tiada sebarang halangan terhadap hasrat Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Chong Kah Kiat untuk meletakkan jawatan sebagai anggota Kabinet negeri Sabah berkuat kuasa Ahad ini.

Perdana Menteri berkata, hasrat Kah Kiat itu telah dimaklumkan kepadanya oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman.

Sehubungan itu, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Kah Kiat di atas sumbangan yang diberikan sepanjang berkhidmat dalam Kabinet Sabah.

"Beliau boleh meletak jawatan dan berehat sebagaimana hasratnya," kata Perdana Menteri di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan, di sini.

Ketika ditanya sama ada beliau terkejut dengan peletakan jawatan tersebut, Perdana Menteri berkata, Kah Kiat sebenarnya telah lama menyuarakan hasrat untuk berundur.

Justeru, beliau berpendapat, pengunduran Timbalan Ketua Menteri itu tidak akan melemahkan kerajaan Sabah.

Menjawab soalan sama ada pengunduran Kah Kiat ada hubung kait dengan kegagalan beliau membina sebuah patung besar, Perdana Menteri berkata:

"Itu tidak diberi sebagai alasan beliau meletakkan jawatan."

Sementara itu, Musa ketika diminta mengulas peletakan jawatan timbalannya itu berkata, Kah Kiat sudah lama menyuarakan hasrat untuk berundur.

"Jadi, saya berpendapat, sudah tiba masanya untuk beliau berundur," katanya ketika ditemui selepas majlis yang sama.

Sambil menyuarakan penghargaan ke atas sumbangan yang diberikan Kah Kiat, Musa menjelaskan, beliau tidak tahu-menahu mengenai dakwaan peletakan jawatan itu dibuat kerana terdapat pergeseran peribadi antara mereka berdua.

"Saya tidak ada masalah dengan beliau," katanya.

Ditanya mengenai pengganti Kah Kiat selepas ini, Musa berkata, beliau akan meneliti perkara itu dan akan memaklukkannya kepada wartawan setelah membuat keputusan kelak.